

**PELANGGAN ADALAH DINASIHATI UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA DAN SYARAT SEBELUM BERSETUJU UNTUK MELANGGAN MANA-MANA PRODUK ATAU PERKHIDMATAN DAN/ATAU MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM MANA-MANA KEMPEN DAN PROMOSI BANK.**

<b>1.0 DEFINISI</b>	
1.1	<p>Di dalam terma-terma dan syarat-syarat, melainkan jika diperuntukkan sebaliknya, perkataan-perkataan berikut hendaklah mempunyai erti seperti yang dinyatakan di bawah:</p> <p>“<b>Akaun</b>” bermaksud produk Akaun Simpanan, Akaun Semasa, Akaun Pelaburan dan Akaun Deposit Bertempoh Tawarruq termasuk akaun bersama/amanah yang ditawarkan oleh Bank Islam.</p> <p>“<b>Bank Islam</b>” bermaksud Bank Islam Malaysia Berhad (No. Syarikat 98127-X), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dengan pejabat berdaftar di Tingkat 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.</p> <p>“<b>IFSA</b>” bermaksud Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan termasuklah apa-apa pindaan yang dibuat terhadapnya.</p> <p>“<b>Pelanggan</b>” bermaksud pemegang akaun bagi Akaun Simpanan, Akaun Semasa, Akaun Pelaburan dan Akaun Deposit Bertempoh Tawarruq.</p> <p>“<b>Nisab</b>” bermaksud nilai semasa bagi 85 gram emas mengikut harga pasaran emas yang ditentukan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)</p> <p>“<b>Tahun taksiran</b>” bermaksud tahun dimana pengiraan zakat mengikut kalender tahunan sebagai contoh Tahun Taksiran 2019 adalah berakhir pada 31 Oktober 2019.</p> <p>“<b>Perkhidmatan</b>” bermaksud Perkhidmatan Pembayaran Zakat Simpanan dan Pelaburan ke atas Akaun Simpanan, Akaun Semasa, Akaun Pelaburan dan/atau Akaun Deposit Bertempoh Tawarruq Pelanggan di Bank Islam sahaja.</p> <p>“<b>Kadar Zakat Simpanan</b>” adalah 2.5% daripada jumlah simpanan dan/atau pelaburan yang perlu dibayar zakat.</p>
<b>2.0 PRINSIP SHARIAH</b>	
2.1	<p>“<b>Wakalah</b>” bermaksud suatu kontrak yang menyatakan pihak (<i>muwakkil</i>) memberikan kuasa kepada pihak lain sebagai wakil untuk melaksanakan tugas yang tertentu, dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, sama ada secara sukarela atau dengan mengenakan bayaran tertentu.</p> <p>Di bawah perkhidmatan ini, Pelanggan sebagai <i>muwakkil</i> atau prinsipal memberi kuasa kepada Bank sebagai <i>wakil</i> atau ejen untuk mengira dan membayar zakat simpanan kepada Agensi Mengurus Zakat (AMZ) bagi jumlah simpanan keseluruhan yang terdapat di dalam akaun deposit dan / atau pelaburan Pelanggan di Bank Islam.</p>
<b>3.0 PERMOHONAN</b>	
3.1	Pelanggan dikehendaki untuk mengisi borang permohonan dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan dan membawa bersama-sama dokumen-dokumen yang berkaitan sebagaimana yang diminta oleh Bank sekiranya ada.
3.2	Pelanggan perlu mempunyai akaun simpanan atau akaun semasa atau akaun transaksi pelaburan dengan Bank untuk tujuan pembayaran zakat dimana bayaran zakat akan dibuat dengan mendebit akaun simpanan atau akaun semasa atau akaun transaksi pelaburan Pelanggan.
3.3	Tertakluk kepada penyertaan Agensi Memungut Zakat (AMZ) negeri dari semasa ke semasa (senarai penuh AMZ yang menyertai perkhidmatan ini boleh didapati di laman web Bank Islam <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a> ). Pelanggan boleh memilih untuk menyalurkan pembayaran zakat kepada AMZ berdasarkan kepada pilihan berikut:
	a) Pelanggan yang bekerja: Kepada AMZ di negeri pelanggan bekerja; atau
	b) Pelanggan yang tidak bekerja: Kepada AMZ di negeri akaun dibuka atau negeri tempat tinggal.
<b>4.0 PENGIRAAN &amp; PEMBAYARAN ZAKAT</b>	
4.1	Semua akaun simpanan, semasa, pelaburan dan/atau deposit bertempoh Tawarruq pelanggan di Bank Islam akan digabungkan untuk pengiraan Zakat Simpanan dan Pelaburan. Akaun amanah akan digabungkan mengikut nama pemegang utama akaun.
	Akaun bersama tidak akan diambil kira dalam pengiraan Zakat Simpanan dan Pelaburan. Pelanggan bertanggungjawab untuk melunaskan kewajipan zakat terhadap harta tersebut sendiri.

**TERMA DAN SYARAT BAGI PERKHIDMATAN PEMBAYARAN ZAKAT SIMPANAN DAN PELABURAN  
BERKUAT KUASA 2 MEI 2019**

4.2	Pengiraan Zakat Simpanan dan Pelaburan adalah berdasarkan kepada jumlah keseluruhan baki Akaun Pelanggan pada 31 Oktober setiap tahun. Kaedah pengiraan zakat telah dipersetujui oleh Bank Islam dan AMZ. Sekiranya terdapat perbezaan pada kaedah pengiraan zakat antara Bank Islam dan AMZ negeri, kaedah pengiraan yang ditetapkan oleh Bank Islam adalah terpakai dan muktamad. Pelanggan dinasihat untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai cara pengiraan zakat sebelum melanggani Perkhidmatan ini.																					
4.3	Bagi tujuan taksiran Zakat Simpanan dan Pelaburan, akaun simpanan, semasa, pelaburan dan/atau deposit bertempoh tawarruq Pelanggan yang dibuka sebelum Tahun Taksiran akan diambil kira. Manakala, Akaun Pelanggan yang dibuka pada Tahun Taksiran semasa hanya akan diambil kira untuk taksiran sekiranya pelanggan mempunyai akaun yang telah dibuka sebelum Tahun Taksiran seperti di dalam jadual di bawah:																					
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Scenario</th> <th style="text-align: center;">Akaun dibuka sebelum Tahun Taksiran</th> <th style="text-align: center;">Akaun dibuka semasa Tahun Taksiran</th> <th style="text-align: center;">Kelayakan untuk ditaksir</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td><td style="text-align: center;">Ya</td><td style="text-align: center;">Tiada</td><td style="text-align: center;">Semua akaun perlu ditaksir</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">2</td><td style="text-align: center;">Ya</td><td style="text-align: center;">Ya</td><td style="text-align: center;">Semua akaun perlu ditaksir</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">3</td><td style="text-align: center;">Tiada</td><td style="text-align: center;">Ya</td><td style="text-align: center;">Semua akaun tidak perlu ditaksir.</td></tr> </tbody> </table>		Scenario	Akaun dibuka sebelum Tahun Taksiran	Akaun dibuka semasa Tahun Taksiran	Kelayakan untuk ditaksir	1	Ya	Tiada	Semua akaun perlu ditaksir	2	Ya	Ya	Semua akaun perlu ditaksir	3	Tiada	Ya	Semua akaun tidak perlu ditaksir.					
Scenario	Akaun dibuka sebelum Tahun Taksiran	Akaun dibuka semasa Tahun Taksiran	Kelayakan untuk ditaksir																			
1	Ya	Tiada	Semua akaun perlu ditaksir																			
2	Ya	Ya	Semua akaun perlu ditaksir																			
3	Tiada	Ya	Semua akaun tidak perlu ditaksir.																			
<p>Ilustrasi: Ali membuka akaun simpanan Qard serta akaun pelaburan Al-Awfar sebelum tahun taksiran dan membuka Akaun deposit bertempoh tawarruq pada tahun taksiran 2019. Maka, semua akaun Ali akan diambil kira untuk taksiran Zakat Simpanan seperti di bawah:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Jenis akaun</th> <th style="text-align: center;">Tarikh serta tahun akaun dibuka</th> <th style="text-align: center;">Baki semasa pada 31 Oktober 2019 (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Akaun Simpanan Qard</td><td style="text-align: center;">1 Februari 2014</td><td style="text-align: center;">10,000</td></tr> <tr> <td>Akaun Pelaburan Al-Awfar</td><td style="text-align: center;">15 Mei 2016</td><td style="text-align: center;">50,000</td></tr> <tr> <td>Akaun Bertempoh Tawarruq</td><td style="text-align: center;">30 September 2019</td><td style="text-align: center;">5,000</td></tr> <tr> <td>Jumlah keseluruhan akaun Ali</td><td style="text-align: center;">-</td><td style="text-align: center;">65,000</td></tr> <tr> <td>Pengiraan Zakat Simpanan</td><td style="text-align: center;">-</td><td style="text-align: center;"><math>65,000 \times 2.5\% = 1,625</math></td></tr> <tr> <td>Potongan daripada akaun simpanan</td><td></td><td style="text-align: center;">1,625</td></tr> </tbody> </table>		Jenis akaun	Tarikh serta tahun akaun dibuka	Baki semasa pada 31 Oktober 2019 (RM)	Akaun Simpanan Qard	1 Februari 2014	10,000	Akaun Pelaburan Al-Awfar	15 Mei 2016	50,000	Akaun Bertempoh Tawarruq	30 September 2019	5,000	Jumlah keseluruhan akaun Ali	-	65,000	Pengiraan Zakat Simpanan	-	$65,000 \times 2.5\% = 1,625$	Potongan daripada akaun simpanan		1,625
Jenis akaun	Tarikh serta tahun akaun dibuka	Baki semasa pada 31 Oktober 2019 (RM)																				
Akaun Simpanan Qard	1 Februari 2014	10,000																				
Akaun Pelaburan Al-Awfar	15 Mei 2016	50,000																				
Akaun Bertempoh Tawarruq	30 September 2019	5,000																				
Jumlah keseluruhan akaun Ali	-	65,000																				
Pengiraan Zakat Simpanan	-	$65,000 \times 2.5\% = 1,625$																				
Potongan daripada akaun simpanan		1,625																				
4.4	Akaun yang telah dibekukan atau dijadikan cagaran tidak akan diambil kira dalam pengiraan Zakat Simpanan dan Pelaburan.																					
4.5	Bank Islam akan memberi notis kepada Pelanggan yang layak membayar zakat sebelum mendebit akaun Pelanggan. Pelanggan adalah bertanggungjawab untuk memastikan baki akaun simpanan atau akaun semasa atau akaun transaksi pelaburan mencukupi untuk membuat pembayaran zakat.																					
4.6	Resit rasmi pembayaran Zakat Simpanan dan Pelaburan akan dikeluarkan oleh AMZ dan dihantar terus kepada Pelanggan oleh AMZ. Sekiranya terdapat kesilapan atau Pelanggan tidak mendapat resit rasmi pembayaran, Pelanggan dinasihatkan untuk menghubungi AMZ berkenaan.																					
4.7	Sekiranya akaun simpanan, akaun semasa dan/atau akaun transaksi pelaburan dibekukan atas sebab-sebab tertentu atau baki di dalam akaun tidak mencukupi untuk membuat pembayaran zakat, Bank Islam tidak akan membuat pembayaran zakat untuk Pelanggan bagi Tahun Taksiran tersebut. Pelanggan bertanggungjawab untuk melunaskan kewajipan zakat terhadap harta tersebut sendiri.																					
4.8	Sekiranya Bank Islam gagal untuk mendebit akaun Pelanggan disebabkan oleh klausa 4.7, Perkhidmatan ini tidak akan ditamatkan secara automatik. Sebaliknya, Bank Islam akan terus memberikan Perkhidmatan untuk Tahun Taksiran berikutnya sehingga Perkhidmatan tersebut ditamatkan oleh Pelanggan.																					
4.9	Sekiranya Pelanggan ingin menamatkan Perkhidmatan ini, Pelanggan perlu mengisi borang di mana-mana cawangan Bank Islam.																					
<b>5.0</b>	<b>YURAN DAN CAJ</b>																					
5.1	Tiada sebarang yuran atau caj dikenakan kepada Pelanggan untuk Perkhidmatan ini.																					

**TERMA DAN SYARAT BAGI PERKHIDMATAN PEMBAYARAN ZAKAT SIMPANAN DAN PELABURAN  
BERKUAT KUASA 2 MEI 2019**

<b>6.0 PENDEDAHAN MAKLUMAT</b>	
6.1	Pelanggan memberi kebenaran kepada Bank Islam untuk memproses data peribadi Pelanggan selaras dengan Notis Privasi Bank Islam yang ditandatangani oleh Pelanggan dan ia boleh didapati di laman web Bank Islam <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a> .
6.2	Pelanggan juga memahami bahawa Bank Islam perlu mendedahkan butiran data peribadi Pelanggan kepada AMZ bagi membolehkan Bank Islam menjalankan tanggungjawabnya. Oleh yang demikian, Pelanggan memberi kebenaran kepada Bank Islam untuk mendedahkan maklumat peribadi Pelanggan kepada AMZ pilihan Pelanggan setakat mana perlu bagi tujuan Perkhidmatan ini termasuklah untuk pengeluaran resit pembayaran zakat.
<b>7.0 TERMA DAN SYARAT TAMBAHAN</b>	
7.1	Bank Islam dan sekutunya berserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen (selepas ini dirujuk sebagai "Bank Islam") yang terlibat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan/atau sebarang kecederaan dan/ atau kehilangan ke atas nyawa dan/atau kerugian harta benda yang timbul daripada Perkhidmatan ini. Bank Islam tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun sama ada secara langsung atau tidak langsung, atas sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan/atau apa-apa yang dialami oleh Pelanggan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, berhubung dengan pelanggan dalam melanggani, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang. Bank Islam tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun bagi segala urusan di luar bidang dan kawalan Bank Islam dalam pentadbiran dan pemprosesan Perkhidmatan ini.
7.2	Bank Islam berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau mengantung Perkhidmatan ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatkan atau pengantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui media elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank Islam mahupun di laman web Bank Islam. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatkan atau pengantungan Perkhidmatan oleh Bank Islam, tidak membolehkan Pelanggan membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank Islam bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa juga yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan sama ada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pembatalan, penamatkan atau pengantungan tersebut.
7.3	Pelanggan dinafiahkan untuk melayari laman web Bank Islam dari semasa ke semasa untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat Perkhidmatan untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat.
7.4	Jika terdapat apa-apa perubahan dalam maklumat peribadi Pelanggan seperti alamat atau nombor telefon selainnya, Pelanggan perlu memaklumkan kepada pihak Bank dengan segera untuk memastikan semua komunikasi dapat disampaikan kepada Pelanggan dengan segera.
7.5	Sekiranya mana-mana peruntukan dalam terma dan syarat ini adalah tidak sah, menyalahi undang-undang dan tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang atau oleh apa-apa sebab sekalipun, kesahan dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan yang selebihnya tidak akan terjejas.
<b>8.0 UNDANG-UNDANG</b>	
8.1	Terma-terma dan syarat-syarat ini akan ditadbir oleh atau tertakluk kepada undang-undang Malaysia.